

# Pelajar kenali kerjaya penjagaan kesihatan di NUS

► JULIANA SHARMINE RIDUAN  
Penulis sambilan

SATU program pendekatan masyarakat untuk memberi pelajar peluang mengenali kerjaya penjagaan kesihatan telah diadakan di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Program Pendekatan Penjagaan Kesihatan Muslim (MHOP) 2017 itu dianjurkan oleh sayap belia Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA). Ini tahun ketiga MHOP dianjurkan.

Seramai 120 pelajar daripada sekolah menengah, madrasah, maktab rendah dan politeknik menghadiri program yang diadakan pada Sabtu lalu itu dan disertai juga oleh ibu bapa pelajar.

Program itu dibahagikan kepada dua bahagian – kuliah dan aktiviti praktikal. Sesi kuliah berlangsung dari 9 pagi hingga 12 tengah hari di auditorium MD11 Sekolah Perubatan Yong Loo Lin.

Sesi kuliah atau perkongsian bersama pelajar NUS, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan pakar penjagaan kesihatan itu mendedahkan pelajar kepada pelbagai bidang penjagaan kesihatan yang boleh diceburi seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejururawatan dan penjaga kesihatan ber-

sekutu.

Perkongsian itu disusuli oleh sesi soal jawab dengan ahli panel yang terdiri daripada Presiden Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA), Dr Zuraimi Mohamed Dahlan; doktor pemulihan pergigian, Dr Md Badrun Nafis Saion; penolong pengarah kejururawatan di Hospital Besar Singapura (SGH), Dr Juriyah Yatim; seorang ahli fisioterapi di Hospital Besar Ng Teng Fong; dan seorang lagi pensyarah di Politeknik Nanyang bagi program terapi pekerjaan di Sekolah Sains Kesihatan.

Sesi kedua pula berlangsung dari 12.30 tengah hari hingga 2 petang. Pelajar dibahagikan kepada lima kumpulan dan dibawa ke lima stesen berbeza untuk melakukan aktiviti praktikal yang biasa dijalankan oleh pekerja penjagaan kesihatan.

Contohnya, di stesen perubatan, peserta diajar cara bagaimana tiub nasogastrik membantu memindahkan makanan dari hidung ke perut.

Di stesen umum pula, pelajar mendapat panduan menghadapi ujian kemasukan bagi kursus penjagaan kesihatan.

Tiga lagi stesen lain ialah stesen kejururawatan, farmasi dan penjaga kesihatan bersekutu. Di stesen-stesen tersebut, peserta berpeluang berinteraksi dengan lebih dekat lagi



**LIHAT KHIDMAT JAGAAN KESIHATAN DARI DEKAT:** Sekumpulan pelajar mendengar penerangan mengenai satu prosedur jagaan kesihatan dalam Program Penjagaan Kesihatan Muslim (MHOP) di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS. Program itu anjuran sayap belia Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA). Di belakang, kanan, ialah Presiden MHPA, Dr Zuraimi Mohamed Dahlan. – Foto-foto JOHARI RAHMAT

dan bersoal jawab dengan pelajar penjagaan kesihatan.

“Jika anda tidak dapat memasuki bidang perubatan, ada lagi kerjaya lain dalam industri penjagaan kesihatan.

“Misalnya, sekiranya anda telah menjadi jururawat dan masih ingin menjadi doktor, anda boleh mengambil laluan possiswazah. Anda boleh mendapatkan ijazah kejururawatan dahulu dan menjadi doktor setelah itu,” kata Dr Zuraimi.

Acara tersebut juga dihadiri oleh Naib Presiden MHPA, Dr Mohamed Ghazali.

Beliau berkata: “Pendidikan luar negara

tidak semestinya mudah bagi semua pelajar. Kos pendidikan bagi tempoh setahun adalah \$60,000 dan ini tidak termasuk kos penginapan dan makanan.

“Kami mempunyai segelintir pelajar yang belajar di luar negara tetapi mengalami masalah kewangan separuh jalan kerana mereka tidak dapat membiayai kos pendidikan.

“Jadi, pelajar perlu mempertimbang pilihan mereka dan cuba perkhidmatan kesihatan besekutu lain yang memberi peluang kepada pelajar belajar di Singapura. Pelajar boleh mencuba laluan perubatan poss-

iswazah setelah itu.”

Ketua projek MHOP, Encik Muhammad Mirza Syafiq Rahmad, pula berharap agar pelajar yang menghadiri MHOP tahun ini akan terus memiliki minda terbuka.

“Apa yang dimaksudkan dengan minda terbuka ialah mereka akan meneroka pelbagai kemungkinan yang ada di dalam dan luar negara.

“Dan sekiranya mereka betul-betul ingin memasuki jurusan penjagaan kesihatan, mereka harus sentiasa berusaha mencari peluang yang sedia ada,” ujar mahasiswa perubatan tahun kedua di Sekolah Perubatan Yong Loo Lin itu.

## Semangat tidak lentur pilih laluan sebagai doktor gigi



**ENCIK MUHAMMAD SAIFUL NOOR MOHD:** Mahasiswa tahun keempat Fakulti Pergigian NUS menerangkan pelbagai prosedur pergigian kepada pelajar.

JADUAL sekolah yang padat tidak pernah mematahkan semangat Encik Muhammad Saiful Noor Mohd, 24 tahun, untuk mengejar cita-citanya menjadi doktor gigi.

Mahasiswa tahun keempat Fakulti Pergigian di Universiti Nasional Singapura (NUS) itu menghabiskan masa sembilan jam di fakultinya dari 8 pagi hingga 5 petang.

Beliau akan ke sana pada 6.15 pagi dan pulang ke rumahnya di Yishun pada 9.30 malam hampir setiap hari. Walaupun berasa letih, Encik Saiful tidak pernah lokek dengan senyuman sepanjang Program Pendekatan Penjagaan Kesihatan Muslim (MHOP).

Malah, beliau sempat mengongsi mengenai pengajiannya. Selain mempelajari teori sains pergigian, Encik Saiful juga perlu menghadiri sesi klinikal di mana beliau akan melakukan pelbagai jenis prosedur pergigian untuk pesakit di bawah penyeliaan dan bimbingan doktor gigi yang bertauliah dan berpengalaman.

Sebagai pelajar pergigian, Encik Saiful menerima latihan untuk menjalankan pelbagai prosedur pergigian seperti mencabut gigi, membuat gigi palsu, membuat selaput gigi atau crown dan implan gigi, membersihkan dan menampal gigi. Prosedur ini semua biasa dilakukan oleh doktor gigi

“Satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar pergigian adalah pengurusan pesakit. Kalau saya akan menghadapi peperiksaan yang sukar, saya boleh sahaja meluangkan lebih banyak masa untuk mengulang kaji pelajaran.

“Tetapi apabila kita mengurus pesakit, walaupun kita telah melakukan persediaan yang

diperlukan, ada perkara yang boleh berlaku di luar jangkaan apabila kita merawat mereka kerana setiap pesakit berbeza.

“Cara mengurus pesakit agak berbeza daripada hanya mengambil maklumat daripada buku teks sahaja. Oleh itu, kadangkala kita tidak dapat mengagak apa yang akan berlaku dan perlu menyesuaikan diri dan menggunakan pengetahuan yang ada,” kata Encik Saiful.

Tambahnya lagi: “Kita bukan sahaja operator gigi, malah memainkan peranan sebagai penyambut tamu dan pembantu pergigian. Contohnya, dalam hal mengurus pesakit, saya perlu memastikan jadual saya sesuai dengan pesakit.

“Secara tidak langsung, ini mendedahkan kami kepada kemahiran pengurusan klinik dan persediaan amalan klinikal pada hari kemudian.”

Meskipun letih, anak bongsu tiga beradik itu lega mempunyai keluarga, teman rapat dan kawan-kawan daripada fakulti yang sama sebagai sandaran.

Menurut Encik Saiful, kawan-kawan daripada Fakulti Pergigian banyak mendorong dan membantu antara satu sama lain sepanjang pengajian kerana mereka memahami dan melalui pengalaman yang serupa.

Apabila ditanya mengenai pengalaman yang paling sukar dilupakan sepanjang pengajian beliau, Encik Saiful, berseloroh:

“Saya ada seorang pesakit lelaki tua yang tiada gigi langsung. Beliau hanya boleh berbual dalam bahasa Hokken sahaja. Biasanya, anak perempuannya yang boleh berbual Hokkien, akan menghantar bapanya berjumpa saya.

“Tetapi, pada suatu hari, cucunya pula yang menghantarnya. Beliau pula tidak boleh berbual dalam bahasa Hokkien.

“Saya cuba mencari jalan untuk berbual dengan pesakit tu. Akhirnya kami berbual macam ayam dengan itik.”

Walaupun berhadapan dengan masalah komunikasi, Encik Saiful akhirnya berjaya menghasilkan gigi palsu yang sesuai bagi pesakit itu. Pesakit itu berpuas hati dengan gigi palsu yang diterimanya.

Namun begitu, tidak semua pengalaman manis belaka bagi Encik Saiful.

“Di sini, rawatan dijalankan oleh pelajar. Oleh itu, banyak perkara dan proses mengambil lebih banyak masa untuk diselesaikan kerana sebagai sebahagian daripada latihan, kami perlu mendapatkan pengesahan daripada doktor bahawa semua yang dilakukan selamat, betul dan tepat.

“Jadi, tanpa disengajakan, ini memakan masa. Ada pesakit tidak faham situasi tersebut dan akan mula marah,” tambah Encik Saiful.

Akan tetapi, beliau percaya bahawa setiap pesakit adalah guru yang terbaik.

Encik Saiful berhasrat melakukan pengkhususan dalam pembedahan mulut dan maksilofasial pada masa hadapan.

Pengkhususan tersebut memberi tumpuan kepada pengurusan pembedahan keadaan mulut dan pemulihan oral yang mungkin diperlukan akibat kecederaan traumatik yang disebabkan oleh kecacatan sejak lahir, kemalangan dan trauma di sekitar kawasan muka dan lut. ► JULIANA SHARMINE RIDUAN